



## MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar di **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR, LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** dan **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT** yang masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini bagi membuat kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KEPALA / SUB KEPALA	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	KERJA – KERJA MENAIK TARAF LORONG BELAKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI LORONG BELAKANG JALAN TAIB, PONTIAN, JOHOR ( MPPn / SH /14 / 2024 )	G2 Bumiputera	CE21	RM 50.00	Ahad – Khamis 8.30 pagi – 3.00 petang  Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang

2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **23 Julai 2024 (Selasa) jam 10.00 pagi**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Persidangan, Aras 3, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Kontraktor yang hadir lawatan tapak sahaja yang layak membeli dokumen sebut harga ini.

3. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 hanya **penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Johor Centre For Construction Development (JCCD) sahaja yang di benarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan. **Wakil tidak dibenarkan.**

4. Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Hanya kontraktor yang menghadiri sesi taklimat layak untuk membeli dokumen sebut harga.** Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **salinan asal** serta **fotostat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, Perakuan Pendaftaran Asal **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, Taraf Bumiputera dari BPKU, **Sijil Kontraktor Johor (JCCD)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen sebut harga. Kebenaran khas adalah tidak dibenarkan.

5. **Dokumen mula dijual** pada **23 Julai 2024 ( Selasa )** (selepas lawatan tapak) . Tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **30 Julai 2024 ( Selasa )**, tidak lewat dari **Jam 12.00 Tengahari**.

6. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah disampul surat berlakri yang bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor.**

  
 ( **HAJI AB RAZAK BIN KHALID** )  
 Yang Di Pertua,  
 Majlis Perbandaran Pontian.

Bertarikh : **22** Julai 2024